



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 FEBRUARI 2024 (RABU)

Sungai Lubuk Timah Selamat, Bebas Bangkai Itik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	7 Feb

Sungai Lubuk Timah selamat, bebas bangkai itik

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Pusat rekreasi Lubuk Timah, Simpang Pulai yang tercemar berikutan penemuan bangkai itik di dalam sungai di situ sebelum ini kini sudah dibersihkan dan selamat untuk dikunjungi.

Jaminan itu diberikan Pengerus Pusat Rekreasi Lubuk Timah, Datuk Fadzil Akmal Mohd Yusoff yang sudah menjalankan aktiviti pembersihan sungai di pusat rekreasi itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Fadzil Akmal berkata, penemuan bangkai itik itu secara tidak langsung mencemarkan air sungai di situ.

“Berikutan penemuan bangkai itik di dalam sungai, kakitangan di sini bertindak segera membuang dan menanam bangkai haiwan berkenaan bagi memastikan airnya tidak tercemar.

“Kini tiada lagi bangkai itik, air sungai kembali bersih dan tidak tercemar. Kawasan rekreasi ini selamat untuk dikunjungi.


“Malah pusat rekreasi ini sudah kembali menerima pengunjung seperti biasa,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Fadzil Akmal mendakwa, bangkai itik yang ditemukan di kawasan rekreasi itu berpunca dari kawasan kolam ikan apabila pengusahanya memproses bangkai haiwan tersebut untuk dijadikan makanan ikan.

“Pengusaha kolam ikan itu meletakkan bangkai itik di tepi sungai dan dihanyutkan air hujan ke dalam sungai,” katanya.

Sebelum ini, tular dalam media sosial kejadian puluhan bangkai itik ditemukan hanyut di kawasan rekreasi tersebut. Menerusi rakaman video itu, pengunjung mendakwa insiden itu menyebabkan bau busuk sehingga menyebabkan mereka tidak selesa.

Berikutan itu, pengurusan pusat rekreasi itu membuat laporan kejadian itu di Balai Polis Simpang Pulai dan dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).



FADZIL Akmal Mohd Yusoff menunjukkan sungai di pusat rekreasi Lubuk Timah di Simpang Pulai, Ipoh kembali bersih dan selamat dikunjungi.
- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Guna Sisa Sawit Biak Larv Lalat Untuk Makanan Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	6	7 Feb

Guna sisa sawit biak larva lalat untuk makanan ternakan

FELDA sedang berkolaborasi dengan syarikat swasta untuk membangunkan kawasan bagi penghasilan larva lalat askar hitam atau *black soldier fly* (BSF) yang akan digunakan sebagai sumber alternatif utama makanan ternakan.

Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata usaha terbaru itu jika dilaksanakan kelak, dapat mengurangkan bergantung import negara terhadap bahan makanan berkenaan.

"Ada pihak sedang berkolaborasi dengan FELDA, jadi kemungkinan satu masa nanti, makanan ternakan dalam negara kita tak lagi bergantung kepada jagung dan kacang soya, tetapi boleh gunakan BSF yang mengandungi protein tinggi dan boleh menjadi asas kepada penggunaan dedak baharu untuk makanan ayam dan sebagainya.

"Bagaimana BSF ini dapat dihasilkan, kita fikirkan dalam kerjasama ini. FELDA menggunakan sisa sawit yang dulu nilainya sangat rendah atau tiada nilai, terpaksa kita bayar untuk buang.

"Tetapi sekarang kita boleh jadikan sisa sawit ini sebagai makanan untuk BSF yang dapat menghasilkan asas penting dalam membangunkan makanan ternakan kepada ayam, lembu, itik dan sebagainya," katanya pada sidang media sempena Simposium FELDA 2024 pada Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di Menara FELDA di sini, semalam.

Simposium sehari itu dihadiri kira-kira 1,000 peserta termasuk peneroka FELDA.

Mengulas lanjut, Ahmad Shabery berkata, usaha itu antara tumpuan baharu FELDA dalam meneroka sistem ekonomi kita, yang dilihat mampu menjana manfaat dan pulangan baharu kepada FELDA.

"Kalau ia berlaku, keberuntungan kita kepada jagung yang diimport akan berkurangan. Keperluan jagung yang kita pakai, kalau tanam sendiri memerlukan tanah sekurang-kurangnya 200,000 hektar. Itu lebih besar dari kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis.

"Sebab itu sistem ekonomi kita haru ini, kita ada sumber baharu untuk menghasilkan makanan ternakan. Ini antara perkara boleh kita perkenalkan dalam sistem baharu untuk menguruskan ekonomi dan makanan dalam negara," katanya.

Mengulas mengenai ekonomi kitaran, beliau berkata, ia memerlukan pembaharuan dasar kerajaan, khususnya berkaitan hala tuju ekonomi kitaran sekiranya sistem ini mahu dilaksanakan.

"Contohnya, dulu kita cakup mengenai mengusahakan ladang, untuk kita keluarkan buah tandan segar. Selepas itu, kita fokus kepada menghasilkan minyak sawit mentah atau CPO. Kalau kita lihat, sekiranya buah tandan segar yang dihantar boleh capai 23 peratus OER atau kadar perahannya, maka itu sudah baik.

"Tetapi yang lebihannya ada apa? Ada sabut, sisa sawit yang dulu dianggap tidak berguna, tetapi sisa ini adalah satu perkara penting kerana ia boleh menghasilkan bijomas.

"Boleh kita tukar jadi baja dan sumber tenaga. Ini perlu dinilai juga menjadi sumber pendapatan baharu yang mesti difikirkan," katanya.

Sementara itu, mengulas simposium itu, Ahmad Shabery berkata, rumusannya akan dikemukakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang dijadual berlangsung pada 29 Februari hingga 3 Mac depan.

"FELDA ada 800,000 hektar tanah tetapi persoalan ditimbulkan apakah fokus diberikan FELDA akan datang. Fokus pertama kerja perladangan, sepatutnya kita mampu keluarkan hasil yang baik.

Polymyxins Bahan Terlarang Dalam Ubat Veterinar – KKM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysian Gazette	Nasional	Online	7 Feb



Dr. Noor Hisham Abdullah

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan memutuskan semua polymyxins adalah bahan terlarang dalam produk ubat veterinar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu diputuskan menerusi Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-381 yang bersidang pada Khamis yang lalu.

Bagaimanapun, larangan berkenaan tidak membabitkan produk ubat veterinar yang mengandungi Polymyxin B.

“Pembatalan pendaftaran produk ubat veterinar berdaftar yang mengandungi Polymyxin E (Colistin) berkuat kuasa serta-merta, malah pengilangan, pengimportan dan pembekalan produk tidak dibenarkan serta-merta.

“Pemegang Pendaftaran Produk pula dibenarkan menghabiskan stok sedia ada di pasaran dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat pembatalan produk.

“Penolakan permohonan pendaftaran baharu produk

ubat veterinar yang mengandungi Polymyxin (kecuali Polymyxin B dalam bentuk sediaan topikal) berkuat kuasa serta-merta,” katanya menerusi kenyataan.

Katanya, Polymyxin khususnya Polymyxin E (Colistin) mempunyai potensi untuk disalah guna dalam makanan haiwan sebagai agen penggalak pertumbuhan (growth promoter).

Tambah Noor Hisham, penggunaan Polymyxin E (Colistin) secara berleluasa boleh menyumbang kepada kerintangan antimikrobial (Antimicrobial Resistance, AMR).

Sehubungan itu menurut beliau, KKM tidak mempertimbangkan permohonan pendaftaran semula bagi produk ubat veterinar yang mengandungi polymyxins kecuali polymyxin B.

Jelas Noor Hisham, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sentiasa memastikan semua produk farmaseutikal termasuk ubat veterinar yang dibekalkan di Malaysia dinilai daripada aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan.

“Penilaian manfaat risiko dilaksanakan secara berterusan berdasarkan

data-data terkini dari semasa ke semasa,” katanya.

Polymyxins (seperti Polymyxin E (Colistin) dan Polymyxin B dikategorikan sebagai Critically Important Antimicrobials oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berdasarkan Annex 1 Penerbitan WHO Critically Important Antimicrobials for Human Medicine.

Polymyxins dikategorikan sebagai keutamaan tertinggi berdasarkan Table 2: Prioritization of antimicrobials categorized as “Critically Important” in human medicine kerana telah menepati kesemua faktor keutamaan (prioritization factors).-

[MALAYSIAGAZETTE](#)

Operasi Penutupan Ladang Babi Teluk Bunut Ditangguh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Online	6 Feb



Pegawai DVS melakukan pemeriksaan di ladang ternakan babi Teluk Bunut Banting pada Selasa.

Gambar kecil: Papparaidu

KUALA LANGAT - Pengusaha ladang babi di Teluk Bunut, Banting di sini diberi lanjutan dua minggu lagi untuk pengosongan dan menghentikan operasi ternakan yang terletak 300 meter dari kawasan perumahan.

Operasi penutupan ladang babi berkenaan sepatutnya dilaksanakan pada Selasa, namun ditangguhkan susulan rayuan daripada pengusaha berkenaan selain perbincangan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Banting, V Papparaidu.

Pengarah Veterinar Selangor, Dr Hassuzana Khalil berkata, ladang seluas satu hektar membabitkan hampir 1,000 ternakan itu telah bertapak puluhan tahun dengan diberikan operasi lesen ternakan secara sementara yang perlu diperbaharui setiap enam bulan.

Bagaimanapun menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) tidak menyambung pengeluaran lesen operasi sejak Jun tahun laluan susulan aduan kacau ganggu.

"Operasi penguatkuasaan dijalankan atas keputusan MMKN (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) 2023 yang mengarahkan DVS mengambil tindakan selepas menerima 24 aduan berkaitan bau busuk dan BOD (permintaan oksigen biologi) melebihi 50 parts per million (ppm).

"Selain itu, hasil daripada audit kualiti air mendapati kawasan perairan ini banyak tercemar," katanya ditemui pada operasi berkenaan.

Katanya, ladang tersebut telah diberikan notis pengosongan dan kompaun sebanyak dua kali sebelum tindakan lebih tegas dilakukan.

"Selepas lesen operasi tidak diperbaharui, pengusaha boleh mengemukakan rayuan kepada pihak berkuasa negeri namun permohonan tersebut tidak diluluskan.

"Sebarang keputusan daripada pihak berkuasa negeri adalah muktamad maka tindakan penguatkuasaan (penutupan ladang) diambil," katanya.

Beliau berkata, terdapat 116 ladang babi beroperasi di Selangor, namun tiga daripadanya tidak berlesen termasuk ladang babi yang diambil tindakan pada

Selasa.

"Dua lagi ladang babi tidak berlesen turut beroperasi berhampiran lokasi berkenaan dan dalam proses penguatkuasaan yang akan dilakukan secara berfasa.

"Cuma penguatkuasaan diambil terlebih dahulu di sini kerana lokasinya terletak hanya 300 meter daripada kawasan perumahan," katanya.

Sementara itu, Papparaidu berkata, pihaknya meminta penangguhan dilakukan bagi memberi ruang sesi perbincangan bagi mencapai situasi menang-menang antara kedua belah pihak.

"Saya faham tindakan diambil kerana ada aduan bau busuk dan lain-lain yang memberikan rasa tidak selesa kepada penduduk setempat.

"Bagaimanapun, pengusaha juga berdepan masalah tiada tempat untuk pemindahan haiwan ternakan mengikut tempoh ditetapkan," katanya.

Ujarnya, pertemuan akan dibuat bersama Exco berkaitan dan juga Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari bagi mencari penyelesaian terbaik.

Tambahnya, permohonan

penanggulangan
penguatkuasaan juga dibuat
bagi mengelak gangguan
bekalan sempena sambutan
Tahun Baharu Cina pada
hujung minggu ini.-
[SINARHARIAN](#)

Dua Minggu Kosongkan Ladang, Jual Semua Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	6 Feb



Anggota DVS Selangor memasuki ladang ternakan babi di Teluk Bunut, Kuala Langat.

FOTO: Saddam Yusoff/KOSMO!

KUALA LANGAT- Sebuah ladang ternakan babi di Teluk Bunut di sini yang menyebabkan pencemaran bau diberikan tempoh dua minggu bagi mengosongkan termasuk menjual semua haiwan ternakan itu.

Pengarah Pegawai Veterinar Selangor, Dr. Hassuzana Khalil berkata, tindakan itu selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 27 Oktober lalu dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar diberikan kuasa bagi mengambil tindakan

penguatkuasaan.

Katanya, dua kompaun dikeluarkan ke atas ladang berkenaan sebelum ini kerana melakukan pencemaran bau dan tidak mempunyai lesen pengoperasian ternakan.

“Sebelum ini, aduan bau busuk telah diterima dengan bacaan Keperluan Oksigen Kimia Hayat (BOD) air dalam kolam air ladang itu melebihi kadar yang ditetapkan pihak berkuasa.

“Jadi, pemilik ladang

tersebut perlu akur dengan arahan kami. Sekiranya gagal berbuat demikian, anggota DVS akan datang semula ke ladang untuk menyita ladang serta merampas babi yang masih ada selaras dengan Seksyen 8, Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Selangor 1991.

“Pada hari ini, kita menyerahkan Notis Memberhentikan Operasi kepada pemilik ladang itu bagi menghentikan operasinya dalam tempoh dua minggu lagi,” katanya selepas menyertai operasi penguatkuasaan babi di sini, hari ini.

Dalam operasi bermula kira-kira pukul 9 pagi itu berlaku sedikit ketegangan apabila pemilik ladang berkenaan tidak membenarkan anggota DVS untuk membuat pemeriksaan ke atas ladangnya.

Namun selepas perbincangan selama kira-kira 30 minit, akhirnya pemilik itu membenarkan anggota DVS untuk masuk ke ladangnya bagi pemeriksaan jumlah babi.

Menurut Hassuzana, ladang yang berkeluasan satu hektar berkenaan dipercayai telah beroperasi lebih 10 tahun dengan terdapat lebih 1,000 ekor babi pelbagai saiz dan

umur diternak ketika ini. -
[KOSMO! ONLINE](#)

Kucing Sawan Selepas Diberi Ubat Kutu Beli 'Online'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	6 Feb



Seekor kucing mengalami sawan selepas didakwa diberikan ubat kutu dibeli dalam talian.

PETALING JAYA – Seekor kucing dengan tiba-tiba mengalami sawan selepas pemiliknya dikatakan memberikan ubat kutu yang dibeli dalam talian.

Menerusi perkongsian video oleh pusat perubatan haiwan swasta, Furmily Animal Medical Centre di TikTok memperlihatkan seekor kucing berbulu corak belang seperti menggigil yang mana haiwan itu sebenarnya sedang sawan.

“Kes menggunakan ubat kutu yang salah. Kucing boleh jadi sawan. Segera ke veterinar sekiranya perkara seperti ini

berlaku.

“Pastikan anda menggunakan ubat kutu yang betul. Rawatan yang cepat daripada veterinar dapat menyelamatkan kucing ini. Alhamdulillah kucing ini dapat diselamatkan,” menurut kapsyen pada video tersebut.

Dalam pada itu, pihak Furmily Animal Medical Centre turut berkongsi gambar ubat kutu yang menyebabkan ketoksikan, dikatakan diberikan kepada kucing tersebut.

Dalam pada itu, pihak Furmily Animal Medical Centre turut berkongsi gambar ubat kutu yang menyebabkan ketoksikan, dikatakan diberikan kepada kucing tersebut.

“Hati-hati ‘ibu bapa’ haiwan di luar sana dalam membeli ubat kutu terutama secara dalam talian. Dapatkan konsultasi daripada veterinar anda sekiranya tidak pasti.

“Sama-sama kita elakkan perkara seperti ini daripada berlaku,” nasihat pihak tersebut. – [KOSMO! ONLINE](#)

Orang Masih Beli Ayam Biarpun Ada Kenaikan Harga

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	6 Feb



PENIAGA ayam segar, Harun Matt di gerai miliknya. Foto Suhaila Kharie

Kuala Lumpur: Harga ayam didakwa mengalami sedikit peningkatan, namun disifatkan masih terkawal.

Tinjauan di Pasar Dato Keramat, di sini, mendapati rata-rata penjual ayam segar mendakwa perniagaan mereka masih stabil.

Peniaga ayam, Harun Matt, 50, berkata buat masa ini harga ayam hanya meningkat sedikit sahaja jika dibandingkan sebelum ini.

"Harga jualan ayam di gerai saya masih kekal RM9.50

hingga RM10 sahaja sekilogram. Kiranya, harga jualan masih terkawal dan tidak terlalu tinggi.

"Setakat ini, pembeli juga masih ramai. Biasanya jika harga melebihi RM10 baru mereka membuat aduan. Namun, jika harga terus meningkat, tentu jualan harian juga akan berkurangan," katanya.

Peniaga lain Amir Haziq, 27, berkata dia menjual ayam pada harga RM9.80 sekilogram, dan harga paling tinggi boleh mencecah

sehingga RM10.50.

Menurutnya, bekalan ayam yang diperolehi setakat ini masih mencukupi, tetapi harga akan berubah-ubah mengikut permintaan.

"Saya memang berharap pihak berwajib dapat menjalankan pemantauan dengan lebih baik dan menurunkan semula harga ayam kerana ia bukan barangan import," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Hasnah Ali, 53, berkata dia menerima sahaja kenaikan harga ayam kerana sering dijadikan hidangan keluarga, namun bimbang jika harganya terus meningkat.

"Tak boleh nak cakap apa sebab semua barang naik harga. Tambahan pula, ayam adalah makanan harian kami sekeluarga, jadi saya memang perlu membelinya. Cuma sekarang ini saya lebih berjimat-cermat," katanya.-

[MyMETRO](#)

Harga Ayam Segar Di KL Stabil, Tiada Aduan Kenaikan Harga Diterima KPDN

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	6 Feb



HARGA ayam pada pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan Tahun Baru Cina di Giant Hypermarket Setapak. FOTO Nur Raihana Alia

Kuala Lumpur: Harga ayam segar di Kuala Lumpur masih lagi stabil walaupun dilaporkan meningkat di beberapa negeri termasuk Johor.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, harga ayam di sekitar ibu kota masih memuaskan.

"Setakat ini, tiada aduan yang diterima berkaitan kenaikan harga ayam.

"Walaupun kita tidak dapat memastikan harga ini berubah

atau tidak, namun tiada kemungkinan dan tanda-tanda peningkatan harga ayam berlaku di Kuala Lumpur setakat ini," katanya ketika melakukan 'walkabout' di Giant Hypermarket, Setapak di sini, hari ini.

Ariffin berkata, KPDN sentiasa melakukan pemantauan untuk mengelakkan kenaikan harga barang berlaku.

"Kami sentiasa dari semasa ke semasa melakukan

pemantauan dan meneliti harga barangan asas untuk memastikan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup.

"Kami melakukan pemantauan setiap hari menggunakan penguat kuasa dan pegawai pemantauan harga.

"Hari ini, sebanyak 100 pemantauan dilakukan di beberapa buah pasar raya dan gerai.

"Namun begitu, saya berharap agar orang awam juga memberi maklumat dan membuat aduan kepada KPDN jika mendapati sebarang kenaikan harga terhadap barang asas," katanya.

Menurutnya, KPDN juga menasihatkan semua peniaga agar bertimbang rasa dan menjual pada harga yang berpatutan.

Katanya, sekiranya harga kos yang diperoleh menurun, peniaga amat digalakkan agar menjual pada harga yang lebih rendah daripada kebiasaan.

"Melalui pemantauan di sini, hari ini, saya mendapati ada lapan barangan dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding harga maksimum yang ditetapkan.

"Menjelang musim perayaan Tahun Baru Cina, saya minta agar semua pasar raya, penjual, dan sebagainya untuk patuh pada skim harga maksimum musim perayaan seperti yang ditetapkan." katanya.-[MyMETRO](#)

Harga Ayam Kekal Stabil Di Pulau Pinang – KPDN

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysian Gazette	Nasional	Online	6 Feb



Jegan (kiri) meninjau harga serta bekalan ayam selepas mengadakan Pelancaran Skim Harga Kawalan Sempena Perayaan Tahun Baharu Cina di AEON Big Bukit Minyak, Pulau Pinang hari ini.

BUKIT MERTAJAM – Harga jualan ayam mentah di Pulau Pinang masih kekal antara RM8 hingga RM10 sekilogram (kg) sehingga kini meskipun pengapungan harga dilaksanakan sejak November lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, S. Jegan berkata, ia berdasarkan maklumat daripada pegawai pemantau harga yang membuat tinjauan di lapangan.

Kata beliau, pihaknya juga

tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung kenaikan harga ayam selepas pelaksanaan pengapungan harga bahan mentah itu.

“Berdasarkan pemantauan harga ayam di pasar raya besar kebanyakan peniaga menjual ayam dibawah harga RM9 per kg manakala di pasar awam, gerai dan kedai runcit pula dijual antara RM9.40 ke RM9.50 per kg.

“Bila kita lihat harga ini masih berpatutan selepas kerajaan menamatkan pemberian subsidi dan harga

kawalan bagi ayam sejak 1 November lalu.

“Ada negeri (yang dimaklumkan) terima aduan mengenai harga ayam tetapi tidak kita di Pulau Pinang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan Walkabout Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina di AEON Big di Bukit Minyak, di sini, hari ini.

Sebanyak 11 jenis barangan telah diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina antaranya udang putih; ikan bawal putih; kubis bulat import; ubi kentang import; bawang putih; halia tua import; lobak putih import dan lobak merah.

Tambah Jegan, seramai 174 pegawai penguatkuasa dan 62 pegawai pemantau harga seluruh KPDN negeri ditugaskan di lokasi strategik sepanjang sembilan hari pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina itu berlangsung.
-MALAYSIAGAZETTE

Tiada Isu Kenaikan Harga Ayam, Sayur Di Pulau Pinang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Utara	Online	6 Feb



Jegan (kiri) ketika melakukan Walkabout Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina di sebuah pasar raya besar di Bukit Minyak, pada Selasa.

BUKIT MERTA JAM - Tiada isu kenaikan harga ayam dan sayur-sayuran berlaku di negeri ini sebaliknya hasil pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang mendapati ia dijual dengan harga berpatutan.

Pengarah KPDN Pulau Pinang, S Jegan berkata, pemantauan dibuat pihaknya mendapati harga ayam yang dijual di pasar awam, gerai dan pasar raya di negeri antara RM8 hingga RM10 sekilogram (kg)

Menurutnya, meskipun kerajaan menamatkan pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula 1 November lalu namun peniaga di negeri ini masih menjual ayam dengan harga berpatutan.

"Pemantauan harga ayam di pasar raya besar kebanyakan peniaga menjual ayam di bawah harga RM9 per kg manakala di pasar awam, gerai dan kedai runcit pula dijual antara RM9.40 ke RM9.50 setiap kg.

"Buat masa ini kita tidak

menerima sebarang aduan atau mengesan peniaga menjual bahan mentah itu dengan harga yang mahal termasuk sayur dan gula walaupun di negeri lain ada dilaporkan berlaku (kenaikan harga)," katanya pada sidang akhbar di sini, pada Selasa.

Terdahulu, Jegan bersama anggotanya melakukan Walkabout Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina di sebuah pasar raya besar di Bukit Minyak, di sini.

Dalam pada itu, Jegan berkata, seramai 174 pegawai penguat kuasa dan 62 pegawai pemantau harga seluruh KPDN negeri akan ditugaskan di lokasi strategik sepanjang sembilan hari pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina itu berlangsung.

Jelasnya, melalui strategi itu penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan malah tindakan segera dapat diambil terhadap aduan yang diterima dari pengguna.-

[SINARHARIAN](#)

'Harga Ayam Naik Lagi Di JB, Kini RM9.80 Sekilogram...'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	5 Feb



Harga ayam segar di sekitar Johor Bahru naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai hari ini. NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

JOHOR BAHRU: Harga ayam segar yang dijual di sekitar bandar raya ini naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai hari ini, iaitu kenaikan kali ketiga dalam tempoh dua minggu.

Tinjauan di pasar basah di sekitar Perling, Tampoi dan Skudai mendapati kenaikan harga ayam segar itu menyebabkan jualan ayam segar tidak serancak sebelum ini, malah pelanggan dilihat lebih banyak membeli bahagian tertentu ayam diperlukan saja.

Peniaga ayam segar, Daud Ismail, 40, berkata kenaikan harga ayam mentah yang semakin kerap itu memberi tekanan kepada peniaga yang kini semakin terhimpit.

"Sebelum ini harga ayam segar hanya RM7.90 sekilogram, namun selepas tiga kali kenaikan, kami peniaga terpaksa menjual dengan harga RM9.80 sekilogram mulai hari ini.

"Ia tidak dapat dielakkan berikutan harga ayam datang daripada pembekal RM8.70 hingga RM9.10

sekilogram hari ini (semalam), jadi kami hanya dapat untung RM1.10 saja atau kurang RM1 setiap kilogram dengan tanggungan sewa lot niaga, gaji pekerja dan bil utiliti.

"Hari ini, pembekal memberi bayangan harga ayam segar akan naik lagi sehari dua menjelang Tahun Baharu Cina nanti dengan alasan bekalan terhad, selain permintaan tinggi kerana perayaan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Seorang lagi peniaga ayam segar yang mahu dikenali sebagai Azman, 45, mendakwa alasan bekalan ayam segar terhad menjelang musim perayaan sering digunakan pembekal untuk menaikkan harga bahan mentah itu.

"Bagaimanapun, peniaga yang menjadi sasaran kemarahan pembeli yang menuduh kami mengambil kesempatan pada musim perayaan.

"Pembekal mendakwa kononnya bekalan ayam tidak banyak diterima dan saiz ayam dihantar kepada peniaga pula kecil, tetapi agak pelik apabila keadaan berubah selepas ini dengan bekalan ayam yang melambak," katanya.

Sementara itu, pengguna,

Sufian Mohd Noor, 52, berkata beliau tiada pilihan dengan hanya membeli bahagian ayam tertentu saja berbanding membeli seekor atau dua ekor ayam setiap lima hari sekali.

"Harga ayam kebelakangan ini sering naik. Jika dulu selepas penghapusan apungan harga, ayam masih murah iaitu antara RM6.90 hingga RM7.90 sekilogram.

"Pengguna berkeluarga besar seperti saya terbeban jika membeli dua ekor ayam macam dulu, jadi saya hanya beli bahagian tertentu saja supaya dapat berjimat," katanya.-[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR